

JENAYAH DI MALAYSIA
USAHA-USAHA PEMULIHAN
DI JABATAN PENJARA

KERTAS KERJA UNTUK SEMINAR MENGENAI
JENAYAH DI MALAYSIA

Ibu Pejabat Penjara Malaysia
43000 KAJANG

OGOS 1988

PENGENALAN:

Jabatan Penjara Malaysia adalah terdiri daripada Jabatan penjara Semenanjung Malaysia, Jabatan Penjara Sarawak dan Jabatan Penjara Sabah.

Pentadbiran Jabatan Penjara Malaysia adalah terletak di bawah tanggungjawab Ketua Pengarah Penjara Malaysia yang mentadbirkan Jabatan tersebut berdasarkan Ordinan dan Kaedah-kaedah Penjara, lain-lain undang-undang yang berkaitan dan selaras dengan dasar yang telah ditetapkan oleh Kementerian Dalam Negeri, Malaysia.

(Lampiran 'A' merupakan Carta Organisasi Jabatan Penjara Malaysia).

Prinsip-prinsip umum yang terkandung dalam pentadbiran penjara bolehlah diringkaskan seperti berikut:

- a) Disiplin dan ketenteraman hendaklah diwujudkan dengan sikap adil tetapi tegas dan dengan sekatan yang tiada lebih dari yang perlu untuk menjamin pengurangan yang selamat dan agar terwujudnya satu corak kehidupan komuniti teratur.
- b) Dalam pengawalan penghuni-penghuni, pegawai-pegawai penjara dikehendaki mempengaruhi penghuni-penghuni melalui teladan dan pimpinan mereka.

- c) Di semua masa, layanan terhadap penghuni-penghuni haruslah yang bersifat menggalakkan mereka untuk menghormati diri sendiri, menyemaikan sifat-sifat kewarganegaraan yang baik.

Dengan bangganya bolehlah diperkatakan bahawa dalam layanan terhadap pesalah-pesalah dan pentadbiran institusi-institusi penjara, prinsip yang terkandung dalam undang-undang penjara adalah selaras dengan prinsip-prinsip 'Standard Minimum Rules' Bangsa-bangsa Bersatu mengenai layanan terhadap pesalah-pesalah.

Tugas Jabatan Penjara Malaysia adalah lebih bercorak pemulihan. Ia menjalankan peranan seperti berikut:

- a) Menahan pesalah-pesalah sehingga tiba masa mereka dibebaskan.
- b) Memberi kawalan yang selamat ke atas penghuni-penghuni semasa mereka menjalankan hukuman.
- c) Memulihkan atau mengubah sikap dan akhlak penghuni-penghuni supaya mereka dapat kembali ke pangkuan masyarakat sebagai warganegara yang bertanggungjawab.

Ada terdapat 37 buah institusi di bawah pentadbiran Jabatan
Penjara Malaysia:

Penjara	- 21
Sekolah Henry Gurney	- 6
Pusat Pemulihan Akhlak	- 3
Tempat Tahanan Perlindungan	- 4
Pusat Pemulihan Dadah	- 1
Maktab/Sekolah Latihan	
Pegawai-Pegawai Penjara	- 2

Jumlah bilangan semua jenis banduan/penghuni ialah 21,924
pada 31hb. Mei 1988. Pecahannya adalah seperti berikut:

Penjara	- 19,852
Sekolah Henri Gurney	- 588
Pusat Pemulihan Akhlak	- 1,298
Tempat Tahanan Perlindungan	- 78
Pusat Pemulihan Dadah	- 108

	21,924

(Sila lihat Lampiran 'B' yang berketat)

Pegawai-pegawai Penjara berpakaian seragam dan adalah merupakan suatu Jabatan tertutup dari corak pentadbirannya. Pada masa sekarang bilangan mereka adalah lebih kurang 6,600 pegawai dalam sebanyak 13 pangkat kesemuanya. Oleh kerana banduan-banduan terpaksa dijaga tiap-tiap masa, maka pegawai-pegawai penjara dikehendaki bertugas 24 jam dalam 4 giliran yang ditentukan. 'Ratio' kawalan dengan banduan yang dijaga (wader/prisoner ratios), oleh yang demikian berganjak dari 1:3 kepada 1:40 dalam sesuatu keadaan dan kadang-kadang menimbulkan keadaan yang sulit. Selaku Pegawai Keselamatan, pegawai ini juga dikehendaki mempunyai sifat seorang pentadbir, sifat perikemanusiaan di samping juga seorang pegawai pemulihan.

Dalam erti kata yang lain, tugas-tugas utama (priorities)nya kian berubah dari tugas-tugas 'custodial', pemulihan dan jagaan (caring task).

Usaha-Usaha Pemulihan

Usaha-usaha pemulihan ini adalah satu kegiatan yang mustahak dan banyak diberi perhatian, kewangan, masa dan tenaga oleh pihak pentadbir penjara. Tiap-tiap banduan yang masuk ke dalam penjara akan dibebaskan pada satu hari nanti dan mengubah sikap mereka

supaya menjadi orang yang bermanfaat kepada masyarakat adalah sesuatu tujuan kepenjaraan. Proses integrasi yang diutarakan oleh Jabatan Penjara Malaysia masa kini boleh dikatakan menyeluruh dan berkesan. Sistem pemulihan ini telah bergerak sejak beberapa lama dan kegiatan di bawah usaha-usaha pemulihan bertukar corak dari masa ke semasa daripada yang bercorak lebih menderakan (punitive method) yang dialami di masa-masa lampau kepada yang lebih berfungsi pada masa kini. Banduan-banduan diberi gaji mengikut peringkat 2/3 daripadanya boleh digunakan membeli barang-barang sendiri dan 1/3 disimpan untuk bebas. Beberapa kegiatan diusahakan di bawah rancangan ini.

Latihan Vokesyenal: Jabatan Penjara Malaysia mengendali beberapa bengkel seperti tukang kayu, rotan, besi, tukang jahit dan lain-lain serta memberi latihan praktikal kepada penghuni. Pengeluaran usaha-usaha perindustrian banyak bergantung ke atas bahan-bahan yang diperolehi, alat-alat yang diperlukan dan juga kemahiran banduan/penghuni yang bertugas di penjara tersebut. Walau bagaimanapun tiap-tiap penjara dilengkapi dengan bengkel dobi, bengkel gunting rambut dan tukang masak. Bengkel-bengkel ini adalah mustahak untuk menggalakkan institusi penjara berada di tahap keselesaan dan kesihatan yang tinggi. Jabatan Penjara juga ada menyediakan tenaga pengajar yang berkelulusan L.L.P.P.K.K. yang memberi ajaran ketukangan dalam jurusan kerja-nya bengkel di mana ia bertugas.

Pelajaran Akademik: Pelajaran sekolah ini diadakan di penjara-penjara dengan tujuan memberi peluang kepada orang-orang tahanan/penghuni-penghuni mempelajari bidang-bidang lain semasa dalam tahanan. Ajaran akademik ini lebih memberi keutamaan kepada budak-budak Sekolah Henry Gurney Telok Mas yang merupakan budak-budak nakal di antara umur 14 hingga 21 tahun. Mereka ini diberi pelajaran dan bimbingan khas supaya dapat menduduki peperiksaan STP, SPM dan SRP sebagai calon persendirian semasa menjalani hukuman. Banduan dewasa digalakkan mempelajari Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia sebagai satu matapelajaran akademik untuk kesejahteraan mereka semasa bebas kelak.

Bimbingan Agama: Sama seperti keadaan masyarakat di luar, Jabatan Penjara mempunyai penghuni-penghuni dari berbilang bangsa dan agama. Bimbingan yang bercorak keagamaan merupakan sesuatu usaha pemulihan yang aktif dan pentadbiran Jabatan Penjara memberi penuh perhatian kepada permohonan badan-badan amal/keagamaan untuk datang melawat serta memberi ajaran kepada penganut agama masing-masing. Tiap-tiap institusi penjara juga ada mempunyai surau serta ustaz-ustaz yang bergaji penuh dan bertugas di institusi penjara. Galakan juga diberi di hari perayaan-perayaan penganut-penganut agama yang berlainan dan paderi-paderi digalakkan datang pada hari-hari demikian. Satu bilik dikhaskan untuk tujuan sembahyang banduan-banduan selain dari yang beragama Islam untuk kerja-kerja ibadat pada tiap-tiap minggu jika diperlukan.

Kebajikan: Dalam pentadbirannya, Jabatan Penjara mempunyai pegawai-pegawai kebajikan yang diperuntukkan daripada Kementerian Kebajikan untuk memberi beberapa pertolongan yang diminta daripada para keluarga semasa sumber mata pencariannya dimasukkan ke dalam penjara. Pegawai-pegawai Kebajikan ini merupakan satu anggota Lembaga Penerimaan yang bertembual dengan orang-orang banduan itu pada hari pertama bila ianya diserahkan ke dalam penjara. Semua corak bantuan kepada keluarga ini disalurkan melalui Kementerian Kebajikan Am.

Kaunseling: Bahagian ini telah ditubuhkan pada awal tahun 1980 dan mempunyai 170 pegawai-pegawai kanan yang dilatih khas dalam kerja-kerja kaunseling dan bimbingan dan ini merupakan satu perkhidmatan pemulihan yang cukup-cukup bermanfaat kepada penghuni-penghuni. Rancangan-rancangan kaunseling secara individu atau berkelompok dijalankan tiap-tiap hari oleh pegawai-pegawai ini di sepuluh buah institusi penjara. Kegiatan kaunseling ke atas seseorang banyak mengutarakan kelemahan peribadi yang terdapat kepada individu itu dan atas yang demikian, kegiatan kaunseling ini mustahak dan efektif kepada banduan-banduan yang terlibat dengan najis dadah semasa di luar penjara atau yang dihukum bersabit dengan najis ini. Seliaan juga dibuat ke atas banduan ini selama 1 tahun selepas mereka dibebaskan daripada penjara.

Selmaan Selepas Bebas: Tiap-tiap negeri di Malaysia mempunyai Persatuan Selmaan Banduan-Banduan Bebas (Discharge Prisoners Aid Society) dari penjara dan penubuhan ini dianggotai oleh orang-orang awam. Tujuan utama persatuan ini adalah untuk membantu banduan-banduan dalam mencari pekerjaan sementara atau tetap, menolong menyelesaikan masalah keluarga serta tempat kediaman dan memberi bantuan-bantuan kebajikan yang lain yang diperlukan oleh bekas-bekas penghuni semasa dibebaskan. Usaha-usaha ini adalah untuk meringankan proses penerapan semula banduan tersebut ke dalam masyarakat yang telah lama ditinggalkan tadi. Dengan objektif yang sebegini rupa, adalah sukar sekali bagi persatuan ini mencapai kejayaan yang nyata. Masalah-masalah operasinya termasuk kekurangan wang dan tenaga, pendirian banduan-banduan sendiri, sikap negatif masyarakat serta pegawai-pegawai D.P.A.S. itu sendiri yang kurang berdedikasi.

Trend Baru Dalam Usaha Pemulihan Jenayah

Proses remitegrasi sangat mustahak dititikberatkan oleh pentadbiran Jabatan Penjara Malaysia dan satu lagi usaha pemulihan yang agak baru yang diusahakan ialah khidmat bakti. Di bawah rancangan ini banduan-banduan digalakkan membina atau memperbaiki bangunan-bangunan keperluan awam tanpa mendapat bayaran sebagai kontraktor biasa. Tujuan asas rancangan ini ialah untuk memupuk semangat kemasyarakatan mereka dan juga ringankan penerimaan mereka oleh masyarakat manakala mereka ini dibebaskan kelak. Louis B. Carney menyatakan dalam bukunya "Corrections: Treatment & Philosophy",

".. Since the precipitants of criminal behaviors are in the community, the goal therefore is to return the offender to the community, and protracted absence from it will only compound the problem of integration. It logically follows that the community itself is the ideal locus for the correctional treatment effort. The bulk of correctional efforts should and ultimately will move to the community".

Walau bagaimanapun oleh kerana tugas-tugas ini dijalankan di luar tembok penjara maka pemilihan banduan-banduan sentiasa diketatkan dan dengan ini, memberi peluang kepada sebilangan kecil sahaja para banduan yang dapat mengikuti program ini.

Kebanyakan projek-projek dalam sekim ini diusahakan kecil-kecilan dan merupakan bantuan kepada usaha gotong-royong yang diaturkan oleh masyarakat luar. Dalam program ini yang juga dinamakan 'Sistem Ibrahim', banduan-banduan berusaha dengan pembinaan tempat perhentian bas, memperbaiki rumah orang-orang cacat atau miskin, bercucuk tanam (land scaping) dan mencuci tanah perkuboran. Pada kebiasaannya, hanya bayaran saguehati dibuat kepada para banduan yang bekerja. Penghuni-penghuni yang terlibat dalam usaha gotong-royong tidak dibayar apa-apa selain dari diberi makan yang lebih pada catuan mereka, berkelah dan bersiar-siar pada hujung minggu dan kelegaan pada kesenangan yang lain-lain.

Suatu lagi 'trend' baru dalam usaha-usaha pemuliharaan penjenayah ialah dalam usaha Usahasama atau "Joint Ventures" yang telah dijalankan sejak awal 80 an ini. Rancangan ini juga disematkan di bawah sistem Ibrahim (atas nama bekas Ketua Pengarah Penjara Malaysia) dan di mana banduan-banduan yang akan dibebaskan diberi pekerjaan dengan pihak swasta dengan bergaji seperti pekerja-pekerja yang lain. Dalam rancangan-rancangan ini para banduan dibenarkan bekerja penuh masa dengan kilang (yang ditubuhkan khas di dalam penjara atau yang diluar tembok), ladang-ladang pertanian, kawasan tanam-tanaman, membina bangunan, 'land-scaping' atau dalam projek pembinaan institusi penjara baru.

Kesemua wang bayaran yang diperolehi dimasukkan ke dalam akaun amanah banduan yang diselenggarakan oleh Ibu Pejabat di Kajang. Sebanyak 70% yang diperolehi akan dimasukkan ke dalam akaun persendirian sebagai simpanan, 15 peratus ke tabung amanah dan yang baki 15 peratus dianggap seperti hasil Kerajaan. Banduan-banduan dibenarkan membelanjakan sebahagian dari wang simpanan mereka untuk sendiri atau diberi terus kepada para keluarga tetapi dinasihatkan untuk menyimpan wang tersebut untuk kegunaan mereka selepas dibebaskan kelak. Kecekapan yang diperolehi juga adalah mustahak untuk mereka menyambungkan kegiatan ini setelah dibebaskan dan ada terdapat sebilangan banduan yang diambil sebagai pekerja oleh kilang-kilang di mana mereka bertugas semasa menjalani hukuman penjara.

Suatu daripada sebab-sebab yang mendorongkan pentadbir Jabatan Penjara Malaysia untuk mencari corak-corak baru dalam usaha pemulihan ialah masalah yang dihadapi oleh Jabatan Penjara masakini. Yang nyata sekali adalah tekanan bilangan banduan yang begitu sesak dan menyebabkan kesesakan yang begitu ketara sekali. Lampiran 'C' menunjukkan bilangan banduan yang kian bertambah dari tahun-tahun 1973 ke tahun 19987. Kesukaran yang dialami nyata sekali dari segi keselamatan penjara, keselesaan pekerja, kesihatan dan kerja-kerja pengurusan dan masalah ini bertambah jika tanpa kelebihan kepada bangunan, tempat-tempat kerja serta 'facilities' yang terdapat pada orang-orang banduan dan juga para pegawai juga kakitangan. Adalah didapati berbahaya jika orang-orang banduan dikurung sahaja tanpa aktiviti-aktiviti lain.

Jumlah banduan yang terlibat dengan najis dadah juga merunsingkan. Lebih dari 40% dari jumlah banduan dalam penjara, pada lazimnya merupakan penjenayah-penjenayah yang paling sukar untuk dipulihkan. Sebagai pengedar dadah atau penagih, banduan-banduan kategori ini merupakan orang yang susah menerima teguran atau nasihat dan sukar menerima corak kehidupan selain dari apa yang difahami, oleh itu perlu diasingkan dari penghuni-penghuni lain. Mereka ini kebiasaanya mempunyai sifat peribadi yang lemah dan senang dirasuk dengan pelawaan pemberian dadah. Ada di kalangan mereka yang ketagihan terok dan penomena 'withdrawal syndrome' hendaklah dialami sendiri sebelum seseorang pegawai Penjara ketahui betapa teroknya penyakit ini.

PENUTUP:

Jabatan Penjara Malaysia sentiasa sedar peri mustahak peranannya dalam usaha pemulihan serta penahanan banduan-banduan jenayah akan tetapi tidak dapat berusaha dengan berpuashati oleh kerana kesulitan yang agak ketara seperti kesesakan yang dihadapi dan masalah dengan banduan-banduan dadah seperti yang diterangkan sebelum ini. Jabatan ini juga berkekurangan kakitangan dan pegawai-pegawai yang terlatih untuk ditugaskan sebagai pegawai penjara dalam erti kata dan peranan yang sebenar.


Insiden serta peristiwa ganas yang berlaku pada tahun-tahun lalu seperti cubaan larian beramai, penebusan pegawai-pegawai Kerajaan dari dalam penjara dan kejadian yang lain yang tidak kurang merusingkan, telah menjejaskan usaha-usaha positif dan sebaliknya menolak pentadbiran penjara kepada konsep penahanan yang lebih bermirip keselamatan serta pengawasan. Kedatangan pelawat-pelawat serta pelatih-pelatih siswazah untuk membuat kajian dalam institusi penjara terpaksa dikurangkan. Begitu juga dengan pelawat-pelawat yang senantiasanya memohon untuk memberi syarahan (uqama) kepada penghuni-penghuni. Tambahan bilangan banduan yang berhukuman berat juga menyulitkan pegawai-pegawai penjara kerana mereka ini perlu pengawasan yang lebih rapi dan aktiviti-aktiviti mereka terpaksa diaturkan dengan lebih tegas.

Lampiran 'D'.

Walau bagaimanapun pegawai-pegawai kanan Penjara Malaysia sedar tentang masalah ini dan tidak berdiam diri. Kesulitan yang sama dialami di negara-negara lain dan pegawai-pegawai kita sering kali terlibat dengan perbincangan dengan pegawai-pegawai penjara dari negara jiran. Suatu forum yang sangat mustahak dalam segi ini adalah persidangan bagi pentadbir-pentadbir penjara dari Asia dan Pasifik (Asian and Pasific Conference of Correctional Administrators - APCCA) yang diadakan di Kuala Lumpur pada bulan September tahun ini di Sydney, Australia.

Peranan Jabatan Penjara Malaysia pada kesimpulannya sangat-sangat mustahak untuk menjaga kesejahteraan dan keadilan sosial bagi masyarakat negara ini.

JAWA FAKULTA PERINDAHAN
JAWA KEMUSASA PERENCANAAN



STATISTIK BANDUAN/PENGHUNI/ORANG TAHANAN
YANG TERDAPAT PADA 31.05.1988

LAMPIRAN B


PENJARA	MUATAN SEBENAR	JANTINA		JUMLAH
		LELAKI	WANITA	
Kuala Lumpur	600	3557	0	3557
Taiping	1100	2233	0	2233
Pulau Pinang	600	2355	101	2456
Johor Bahru	500	2294	0	2294
Alur Setar	450	1314	26	1340
Pengkalan Chepa	500	903	26	929
Seremban	500	807	0	807
Kuantan	40	648	0	648
Sungai Petani	250	124	0	124
Kajang	1670	1537	296	1833
Marang (#)	300	404	0	404
Simpang Rengam	2000	658	0	658
Prabebas, Kamunting, Tpg (*)		163	0	163
Sarawak	850	414	25	439
Sabah	1050	1846	121	1967
JUMLAH	10410	19257	595	19852
SEKOLAH HENRY GURNEY				
Teluk Mas	500	404	0	404
Air Keruh	100	73	0	73
Melaka	60	62	0	62
Batu Gajah	15	0	11	11
Kota Kinabalu, Sabah	75	38	0	38
JUMLAH	750	577	11	588
PUSAT PEMULIHAN AKHLAK				
Pulau Jerejak	570	759	31	790
Muar	110	165	0	165
Batu Gajah	250	343	0	343
JUMLAH	930	1267	31	1298
TEMPAT TAHANAN PERLINDUNGAN				
Taiping	330	74	4	408
Kuching dan Sibul, Sarawak	1200	0	0	1200
Kota Kinabalu, Sabah	200	0	0	200
JUMLAH	1730	74	4	1808
PUSAT PEMULIHAN DADAH				
Kuching, Sarawak	500	107	1	608
JUMLAH BESAR	14320	21282	642	21924

NOTA: (#) = Penjara ini kini sedang dalam pembinaan.
(*) = Penjara sementara.

TOTAL PENAL POPULATION (ALL TYPES OF INMATES)

(31ST. DECEMBER)

(Thousands)



(YEAR)

IBU PEJABAT PENJARA, MALAYSIA
(Bahagian Penyelidikan)

(KOMP.B.3)

BANDUAN-BANDUAN CONVICTED YANG TERDAPAT PADA 31.05.1988

TENPUH HUKUMAN PENJARA	BANDUAN CONVICTED							JUNLAH BESAR	PERATUS (%)
	WARGANEGARA MALAYSIA					WARGA- NEGARA ASING			
	MELAYU	CINA	INDIA	LAIN2	JUM				
KURANG DARIPADA 6 BULAN	500	212	137	54	903	381	1284	9.75%	
6 BULAN HINGGA KEBAWAH 12 BULAN	862	528	369	90	1849	222	2071	15.73%	
1 TAHUN HINGGA KEBAWAH 3 TAHUN	2732	1761	927	135	5555	128	5683	43.16%	
3 TAHUN HINGGA KEBAWAH 6 TAHUN	882	788	370	91	2131	181	2312	17.56%	
6 TAHUN HINGGA KEBAWAH 10 TAHUN	192	300	149	52	693	130	823	6.25%	
10 TAHUN HINGGA KEBAWAH 15 TAHUN	51	90	32	27	200	36	236	1.79%	
15 TAHUN HINGGA 20 + TAHUN	31	51	5	7	94	8	102	0.77%	
HUKUMAN PENJARA SEUMUR HIDUP	182	119	24	7	332	36	368	2.80%	
HUKUMAN PENJARA SEUMUR HAYAT	39	24	0	8	71	20	91	0.69%	
TAHANAN DIBAWAH LIMPAN SULTAN	6	10	1	9	26	2	28	0.21%	
HUKUMAN GANTUNG (MATI)	47	63	12	7	129	39	168	1.28%	
JUNLAH	5524	3946	2026	487	11983	1183	13166	100.00%	
PERATUS (%)	41.96%	29.97%	15.39%	3.70%	91.01%	8.99%	100.00%		